UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

QUALITY SYSTEM
SIRIM
STANDARDS
MS ISO 9001 REG. NO. AR3477

PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Rujukan Kami : UPM/ PEND 5.1

Tarikh : 18 Julai 2011

SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 2 TAHUN 2011

PINDAAN WAKTU BEKERJA UNTUK KAKITANGAN UPM SEMASA BULAN RAMADHAN 1432 HIJRAH

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan waktu bekerja semasa bulan Ramadhan 1432 Hijrah di Universiti Putra Malaysia Kampus Serdang dan Kampus Bintulu.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-409 pada 15 Julai 2011 bersetuju untuk meminda waktu bekerja semasa bulan Ramadhan 1432 Hijrah. Pindaan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pegawai Universiti membuat persediaan untuk berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadhan 1432 Hijrah.

PELAKSANAAN

3. Pindaan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

3.1 pindaan untuk waktu bekerja ini adalah hanya untuk bulan Ramadhan 1432 Hijrah;

3.2 waktu bekerja yang dipinda ini akan berkuatkuasa mulai 1 Ramadhan 1432 Hijrah dan akan tamat pada hari terakhir bulan Ramadhan 1432 Hijrah;

✉ Pejabat Pendaftar, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
✆ 603-8946 6000 🖷 603-8948 2507 🌐 http://www.admin.upm.edu.my

3.3 mana-mana Ketua Jabatan adalah dibenarkan untuk mengarahkan kakitangan masing-masing untuk bertugas selepas waktu bekerja yang dipinda ini sekiranya terdapat keperluan mendesak; dan

3.4 waktu bekerja yang dipinda ini hendaklah tidak menjejaskan jumlah waktu bekerja iaitu 45 jam seminggu seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Pindaan Waktu Kerja

4. Butir-butir waktu bekerja biasa yang dipinda semasa bulan Ramadhan 1432 Hijrah adalah seperti berikut:

<u>Kampus Serdang</u>

Isnin hingga Khamis

Waktu Bekerja	:	8:00 pagi – 4:30 petang
Waktu Rehat	:	1:30 tengah hari – 2:00 petang

Jumaat

Waktu Bekerja	:	8:00 pagi - 4:30 petang
Waktu Rehat	:	12:45 tengah hari - 2:45 petang

<u>Kampus Bintulu</u>

Isnin hingga Khamis

Waktu Bekerja	:	8:00 pagi - 4:30 petang
Waktu Rehat	:	1:00 tengah hari - 1:30 tengah hari

Jumaat

Waktu Bekerja	:	8:00 pagi - 4:30 petang
Waktu Rehat	:	11:45 pagi - 1:45 tengah hari

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Pendaftar ini pindaan waktu bekerja untuk kakitangan UPM semasa bulan Ramadhan 1431 Hijrah seperti dalam Pekeliling Am Pendaftar Bilangan 2 2010 adalah dibatalkan.

TARIKH KUATKUASA

6. Tarikh kuatkuasa pindaan waktu bekerja ini adalah hanya untuk bulan Ramadhan 1432 Hijrah mulai 1 Ramadhan 1432 Hijrah dan akan tamat pada hari terakhir bulan Ramadhan 1432 Hijrah.

Sekian, terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Yang benar,

(DATO' WAN AZMAN BIN WAN OMAR)
Pendaftar
Universiti Putra Malaysia

s.k: Edaran : Semua Timbalan Naib Canselor
Bursar
Ketua Pustakawan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Semua Dekan Fakulti/ Sekolah
Semua Pengarah Akademi/Institut/Pusat
Semua Pengetua Kolej
Semua Ketua Bahagian/Pusat/Taman

Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU

Salinan : YBhg. Dato' Naib Canselor